

SKMM bina 61 menara komunikasi

Inisiatif tingkat liputan internet di perkampungan Orang Asli

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 61 menara komunikasi bagi liputan di kawasan perkampungan Orang Asli dibangunkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sehingga Oktober lalu.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata lapan menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat, mulai suku pertama 2021.

Beliau berkata, kementerian akan terus bekerjasama dengan pihak industri, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi merencanakan penyediaan kemudahan itu.

“Kita sedang menilai sejauh mana penggunaan dan keberkesanan pusat internet di kawasan Orang Asli.

“Lapan menara dalam peringkat pelaksanaan ini termasuk dua di Cameron Highlands iaitu di Pos Lemoi dan Pos Kampung Telimau.


“Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) fasa 1, sebanyak 85 menara baharu dengan perkhidmatan 4G akan dibina di 136 kampung Orang Asli di seluruh negara dan pelaksanaannya dijangka pada suku kedua 2021,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Lee Boon Chye (PH-Gopeng) mengenai liputan internet dalam kalangan komuniti Orang Asli dan rancangan menambah baik perkhidmatan itu.



“Kita sedang menilai sejauh mana penggunaan dan keberkesanan pusat internet di kawasan Orang Asli.”

Saifuddin Abdullah,
Menteri Komunikasi dan Multimedia



SKMM bekerjasama dengan kerajaan negeri dan PBT bagi memasang menara telekomunikasi. (Foto hiasan)